

Bab 8 Kebangkitan semangat kebangsaan untuk mengangkat Martabat Bangsa.

8.1 Maksud semangat kebangsaan

- perasaan cinta & taat setia kepada negara & bangsa.
- semangat ini mendorong lahirnya keazaman untuk berjuang menebus maruah bangsa.
- semangat ini juga melahirkan perjuangan untuk membentuk masa depan bangsa & negara

8.2 Perkembangan Negara Luar memberi Inspirasi Perjuangan

* Gerakan Kesedaran Kebangsaan di Turki

- Gerakan Pan-Islam dilancarkan bertujuan menyatukan umat Islam bagi menentang penjajahan Barat.
- Gerakan ini mempengaruhi umat Islam dari negara² Timur Tengah, India, Asia Tenggara termasuk Tanah Melayu untuk menentang penjajah Barat.

* Gerakan pemulihan Islam di Mesir (1882)

- Gerakan Islah atau Gerakan Pemulihan Islam diketuai oleh Sayid Jamaluddin al-Afghani & syeikh Muhammad Abdulh.
- tujuannya untuk menyeru orang Islam kembali berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar berdasarkan al-Quran & Hadis untuk mencapai kemajuan
- menyeru umat Islam menentang penjajahan Barat di negara Islam
- Pengaruh gerakan ini tersebar melalui pelajar Tanah Melayu yang menuntut di Mesir

* Perang Rusia-Jepun (1905)

- Jepun menewaskan Rusia dalam pertempuran itu
- Ini merupakan kejayaan pertama dalam sejarah moden
- sebuah negara Asia (Jepun) berjaya mengalahkan kuasa Eropah (Rusia)
- kejayaan Jepun menyemarakkan semangat negara Asia lain untuk menentang penjajah.

* Gerakan Kesedaran Kebangsaan di China

- Dr. Sun Yat Sen, pemimpin Revolusi China berjaya menubuhkan kerajaan Manchu & menubuhkan kerajaan republik China
- kejayaan Revolusi ini menyumbang kepada kebangkitan semangat kebangsaan di Tanah Melayu.

* Gerakan kesedaran kebangsaan di India

- Gerakan kesedaran kebangsaan yang dipimpin oleh Mahatma Gandhi
- memimpin Kongres Kebangsaan India untuk memperjuangkan kemerdekaan membebaskan India daripada jajahan British

* Gerakan Kesedaran Kebangsaan di Filipina

- Jose Rizal menubuhkan Liga Filipina untuk memajukan Filipina & meminta penjajah Sepanyol melayan mereka dengan adil

* Gerakan Kesedaran Kebangsaan di Indonesia

- soekarno mewujudkan Parti Nasional Indonesia untuk membebaskan Indonesia daripada penguasaan Belanda
- perjuangan penduduk tempatan Indonesia merangsang keberanian penduduk Tanah Melayu menentang British

8.3 Gerakan Islam mencetuskan kesedaran kebangsaan

- terdiri daripada golongan pelajar dari Tanah Melayu yang mendapat pendidikan di Timur Tengah, khasnya dari universiti al-Azhar
- terpengaruh dengan idea pemuliharaan Islam yang dibawa oleh sayid Jamaluddin al-Afghani & Syeikh Muhammad Abduh
- Pelajar ini memulakan Gerakan Islam di Tanah Melayu selepas kembali ke tanah air
- pelopor Gerakan Islam dikenali sebagai Kaum Muda.

Tokoh pemimpin Gerakan Islam

- * Syeikh Muhammad Tahir bin Jalaluddin
 - menerbitkan Al-Iman
 - pernah dilantik sebagai mufti Negeri Perak
- * Syed syeikh Ahmad al-Hadi
 - mendalami idea perjuangan Syeikh Muhammad Abduh
 - menerbitkan Al-Ikhwan & Saudara
 - mengarang novel Hikayat Faridah Hanum
- * Haji Abbas bin Muhammad Taha
 - menerbitkan Neracha
 - pernah dilantik sebagai kadi di Tanjung Pagar, Singapura.

Media Gerakan Islam

- akhbar Al-Iman : membawa maksud pemimpin
- 1906 : Al-Iman diterbitkan di Singapura untuk menyebarkan idea Kaum Muda
- Al-Iman menyedarkan orang Melayu akan kepentingan pendidikan & ekonomi kaum mereka
- saranan dalam akhbar Al-Iman :
 - * menyeru orang Melayu berpegang kepada al-Quran & Hadis
 - * menyedarkan orang Melayu tentang pentingnya pengetahuan untuk mencapai kemajuan
 - * menggesa ibu bapa memberi pendidikan yang sempurna kepada anak²
 - * menggesa kaum wanita diberi peluang mendapatkan pendidikan
 - * menekankan pengetahuan sejarah kerana banyak iktibar dapat dipelajari
 - * menyeru orang Melayu menyetepikan adat resam & kepercayaan karut yang menghalang kemajuan.
- 1908 : Terbitan Al-Iman dihentikan
- Perjuangan Kaum Muda diteruskan oleh akhbar :
 - * Neracha
 - * Pengasuh
 - * Saudara
 - * Al-Ikhwan
- Kaum Muda juga menubuhkan beberapa buah madrasah untuk menyebarkan idea mereka, iaitu :
 - * Madrasah al-Diniah Kampung Lalang di Perak
 - * Madrasah al-Masyhur al-Islamiah, Pulau Pinang
 - * Madrasah Il-Ihya Assyariff di Perak
- Penentangan Kaum Tua :
 - * terdiri daripada golongan ulama & pegawai agama
 - * berpegang kuat kepada adat & agama Islam
 - * menentang idea pembaharuan yang dibawa oleh Kaum Muda
 - * menerbitkan akhbar Suara Benar & Lidah Benar untuk menentang idea Kaum Muda.

8.4 Intelektual memamatkan Perjuangan

Golongan intelektual berpendidikan Melayu

- merupakan pelajar lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI).
- guru² Melayu yang berperanan sebagai pemimpin masyarakat
- berganding bahu dengan golongan cerdik pandai agama untuk menyumbangkan tenaga & fikiran
- berusaha memajukan orang Melayu dalam pendidikan & ekonomi
- golongan ini membangkitkan kesedaran orang Melayu untuk menentang penjajah.

→ Tokoh² Nasionalis :

Ibrahim Haji Yaacob

↳ lepasan MPSI

↳ menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM)

↳ memupuk perpaduan & memperjuangkan kemerdekaan

Abdul Haji Hasan

↳ pensyarah MPSI

↳ memupuk semangat cinta akan bangsa & negara kepada pelajarannya.

Harun Aminurrashid

↳ lepasan MPSI

↳ pejuang kebangsaan

↳ guru yang bersemangat kebangsaan

↳ mempelopori penulis puisi yang bertepatan semangat kebangsaan

Golongan intelektual berpendidikan Inggeris

- merupakan intelektual yang berpendidikan Inggeris.
- menuntut hak orang Melayu dalam bidang pentadbiran, ekonomi & pendidikan
- menggunakan bidang penulisan & persatuan untuk memperjuangkan kepentingan orang Melayu.
- Tokoh² Nasionalis :

* Raja Chulan

↳ berpendidikan di Kolej Melayu Kuala Kangsar

↳ 1924 : Dilantik menjadi Ahli Majlis Perundangan Persekutuan

↳ menggesa British meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu & menambahkan peluang bagi mereka menjawat jawatan dalam kerajaan

* Dato' Onn Jaafar

↳ berpendidikan di Kolej Melayu Kuala Kangsar & melanjutkan pelajaran ke England.

↳ pernah menjadi pengarang akhbar Warta Malaya, Warta Ahad & Lembaga Malaya

↳ 1936 : Dilantik menjadi Ahli Tidak Rasmi dalam Mesyuarat Negeri Johor

* Muhammad Eunos Abdullah

↳ berpendidikan di Raffles Institution, Singapura.

↳ 1926 : menubuhkan Kesatuan Melayu Singapura (KMS)

↳ orang Melayu pertama dilantik sebagai Ahli Majlis Perundangan NNS

↳ pernah menjadi ketua pengarang akhbar Utusan Melayu & Lembaga Melayu.

8.5 Perjuangan Nasionalisme melalui Mata Pena.

8.5.1 Peranan akhbar & Majalah Melayu

- mengkritik dasar British yang tidak menguntungkan orang Melayu
- menyeru orang Melayu bersatu & menghapuskan semangat kenegerian
- menuntut kedudukan yang lebih baik dalam bidang pentadbiran, ekonomi & pendidikan

8.5.2 Akhbar yang berpengaruh sebelum perang dunia kedua

* 1930 - 1941 Warta Malaya

- diterbitkan di Singapura oleh Pato' Onn Jaafar
- bertujuan untuk mendesak supaya orang Melayu diberi lebih banyak jawatan penting dalam pentadbiran & perkhidmatan kerajaan
- mempertikaikan sosioekonomi Tanah Melayu

* 1931 - 1941 Majlis

- diterbitkan di KL oleh Abdul Rahim Kajai (Bapa kewartawan Melayu)
- mendedahkan & mengkritik kelemahan dasar British
- berjaya menyedarkan orang Melayu tentang dasar British yang mengancam kedudukan orang Melayu

* 1939 - 1941 Utusan Melayu

- diterbitkan di Singapura oleh Abdul Rahim Kajai & Ishak Haji Muhammad
- menggesa orang Melayu meningkatkan taraf ekonomi serta menubuhkan persatuan
- memperjuangkan nasib bangsa & tanah air

8.5.3 Kegiatan Persuratkhabaran di kalangan orang Cina & orang India

→ ciri-ciri akhbar Cina & India :

- * melaporkan berita tentang kegiatan sosial & ekonomi orang Cina & orang India di Tanah Melayu.
- * turut menyiarkan peristiwa yang berlaku di negara China & India

→ akhbar masyarakat Cina :

- * Lat Pau
- * Nanyang Siang Pau
- * Sin Chew Jit Poh
- * Modern Daily News

→ akhbar masyarakat India :

- * Ulaga Nesan
- * Tamil Nesan
- * Tamil Murasu

→ ciri-ciri akhbar masyarakat peranakan :

- * memberi tumpuan terhadap berita hal ehwal & masyarakat peranakan
- * menyiarkan berita ringkas tentang peristiwa yang berlaku di dalam & di luar negara

→ akhbar masyarakat Cina peranakan :

- * surat khabar peranakan
- * Bintang Timor : **satu-satunya akhbar BM yang berani melaporkan berita pemberontakan Dato' Bahaman di Pahang**

- * Bintang Peranakan : **menunjukkan taat setia kepada British**
- * Khabar Uchapan Baru

→ akhbar masyarakat Jawi Peranakan :

- * Jawi Peranakan
- * Sekolah Melayu : **bahan rujukan sekolah & banyak menanam semangat suka belajar dalam kalangan pelajar**

- * Taman Pengetahuan

- * Tanjung Penagri

8.5.4 Kesedaran Kebangsaan Melalui Penulisan Kreatif

- tujuan :
- menyuburkan perasaan cinta akan bangsa & negara
 - menyeru orang Melayu merebut peluang ekonomi
 - mempertahankan maruah bangsa

Puisi

- Harun Aminurrashid * Tenaga Kaumku
 - * Rayuan Bangsa Mu
 - * Mempertahankan Hak Kita
 - * Perwira Melayu
- Abdul Samad Ahmad * Serunai Pujangga
 - * Kapal Tiada Nakhoda
 - * Hari Kejatuhan Kita
- Muhammad Yusuf Harun * Dunia Yang Fana
 - * Di Lautan Seberang
- Omar Mustaffa * Bangkitlah
- Mahmud Ahmadi * Sedarlah
- Melati Pahang * Seruan Kebangsaan
- Muhammad Yasin Maamor * Di Tengah Segara

Novel

- Syed Sheikh al-Hadi * Hikayat Faridah Hanum
- Harun Aminurrashid * Melor Kuala Lumpur
- Abdul Kadir Adabi * Melati Kota Bharu
- Abdul Rashid Talu * Iakab Salmah ?
- Ishak Haji Muhammad * Puteri Gunung Tanah
 - * Anak Mat Lela Gila

Cerpen

- Abdul Rahim Kajai * Cerita Awang Putat
- Ishak Haji Muhammad * Rumah Besar Tiang Sebatang
- Shamsuddin Salleh * Di sini Kita Bukannya Orang Dagang
 - * Siasat Yang Tiada Diminta

8.6 Kesepakatan menjamin ketuhanan Perjuangan

8.6.1 Kemunculan Pertubuhan Melayu

- * Kesatuan Melayu Singapura (KMS) 1926
 - ditubuhkan oleh Eunos Abdullah
 - dianggotai oleh kakitangan kerajaan, peniaga, bangsawan & wartawan
 - matlamat : untuk memajukan pendidikan orang Melayu
 - memberi galakan kepada para ahli supaya memainkan peranan penting dalam pentadbiran
 - wakil kepada orang Melayu yang ingin berurusan dengan British bagi hal berkaitan dengan hak & kepentingan orang Melayu.
- * Persatuan Melayu Selangor 1938
 - dipimpin oleh Tengku Ismail bin Tengku Mohd. Yassin
 - mendesak British memberi peluang yang lebih kepada orang Melayu untuk bertapak dalam kerajaan
 - mendesak pertambahan kadar keanggotaan askar Melayu
 - mencadangkan penubuhan angkatan tentera laut & udara Tanah Melayu

mls 6

8.6.2 Persaudaraan Sahabat Pena (PASPAM) 1934

- dikenalkan oleh akhbar saudara
- ahlinya berpeluang menulis sebarang bentuk pandangan mereka dalam ruangan akhbar saudara
- tujuan : untuk menggalakkan pertukaran pendapat dalam kalangan ahli.

8.6.3 Kesatuan Melayu Muda (KMM) 1938

- ditubuhkan oleh Ibrahim Haji Yaakob
- ahlinya terdiri daripada lepasan MPSI
- tujuan : memupuk semangat perpaduan & kesedaran terhadap orang Melayu
- berhasrat membebaskan tanah air daripada penjajahan British
- untuk menyatukan Tanah Melayu dengan Indonesia & menubuhkan 'Melayu Raya'
- perjuangannya dianggap radikal kerana tidak bekerjasama dengan British malah menyoal penentangan terhadap British secara terbuka
- menggunakan akhbar Warta Malaya untuk membangkitkan perasaan anti British

8.6 Kesepakatan menjamin keutuhan Perjuangan

8.6.4 Pertubuhan Cina & India

Pertubuhan orang Cina

- awal kurun ke-20, orang Cina telah menubuhkan beberapa pertubuhan seperti : Hsing chong Hui
Chung Ho Tang
- pertubuhan ini lebih memberi tumpuan kepada negara China
- orang Cina peranakan yang lahir di NNS lebih menumpukan kepada politik tempatan
- 1900 : Penubuhan Persatuan Cina Peranakan British yang terdiri daripada golongan Cina berpendidikan Inggeris
- tujuan : untuk melindungi orang Cina peranakan di NNS
- Tan cheng Lok merupakan salah satu tokoh daripada golongan Cina Peranakan yang berperanan penting dalam politik Tanah Melayu.

Pertubuhan orang India

- sebelum perang Dunia Kedua, orang India terpengaruh dengan gerakan kebangsaan negara asal mereka
- Persatuan India di Tanah Melayu ditubuhkan oleh golongan cerdik pandai India yang berpendidikan Inggeris
- tujuan : menjaga kepentingan orang India di Tanah Melayu & memperjuangkan nasib kaum India
- 1936 : Persatuan India Pusat Tanah Melayu ditubuhkan pimpinan A.M. Soosay
- persatuan ini adalah gabungan 12 buah persatuan India & 4 Dewan Perniagaan India
- tujuan : memperjuangkan hak & kepentingan orang India di Tanah Melayu